

\*\*\*PLEASE CHECK AGAINST DELIVERY\*\*\*



**AMANAT**  
**YBHG. TAN SRI DR. ALI BIN HANSA**  
**KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**MAJLIS MAKAN MALAM BERSAMA**  
**ALUMNI RSOB**  
***VISI KEPIMPINAN SEKTOR***  
***PERKHIDMATAN AWAM***

**12 FEBRUARI 2014 (RABU)**  
**8.00 MALAM**  
**PUTRAJAYA I, GRAND BALLROOM,**  
**PUTRAJAYA MARRIOTT HOTEL**

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Berbahagia Tan Sri Mohamad Zabidi bin  
Zainal,  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia;

Yang Berusaha Dr. Hamidin Abdul Hamid,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
Razak School of Government;

Yang Berbahagia Datuk Dr. Noor Hisham  
Abdullah,  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia;

Yang Berbahagia Datuk Jamil bin Hj. Salleh,  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian Belia dan Sukan;

Yang Berbahagia Datuk-Datuk, Datin-Datin, tuan-tuan dan puan-puan para hadirin sekalian.

1. *Alhamdulillah*, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya jua, kita diberi kesempatan untuk hadir bersama di Majlis Makan Malam Bersama Alumni RSOG pada malam ini. Setinggi-tinggi tahniah saya ucapkan kepada Razak School of Government kerana menganjurkan majlis makan malam ini. Pada hemat saya, ini merupakan satu inisiatif yang baik kerana ia memberi peluang kepada alumni RSOG untuk berkumpul bersama dan bersua kembali setelah menamatkan kursus-kursus anjuran RSOG.

## **CABARAN KEPADA PERKHIDMATAN AWAM**

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

2. Tidak boleh dinafikan bahawa **cabaran kepada perkhidmatan awam** dan **kepimpinan perkhidmatan awam** pada hari ini adalah **amat berbeza dengan yang dihadapi sebelum ini.**

Perubahan lanskap politik dan keadaan ekonomi, peningkatan sosio-pendidikan dan perubahan demografik adalah antara cabaran yang perlu dihadapi. Skala dan kadar perubahan yang semakin cepat dan meluas juga turut dirasai.

3. Pada masa yang sama, negara kita sedang mengorak langkah strategik untuk menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020. **Agenda Transformasi Negara**, yang merangkumi:

- Program Transformasi Kerajaan (GTP);
- Program Transformasi Ekonomi (ETP);
- Program Transformasi Politik (PTP); dan
- Program Transformasi Sosial (STP);

sedang rancak dilaksanakan oleh penjawat awam selaku tulang belakang kepada pembangunan negara.

4. Saya pasti tuan-tuan dan puan-puan menghadapi pelbagai cabaran dalam melaksanakan Agenda Transformasi Negara yang telah dirancang di Kementerian/Jabatan/Agensi masing-masing. Tanggungjawab untuk menangani cabaran-cabaran ini, bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam bukan sahaja relevan mengikut masa tetapi juga bersifat mapan, terletak di **bahu pemimpin sektor awam**. Kita

sebagai penjawat awam mesti berperanan sebagai **change agent atau pemacu perubahan** yang utama.

5. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa Ucapan Bajet Tahun 2014 pada 25 Oktober 2013 yang lalu, turut menegaskan kepentingan transformasi dalam Perkhidmatan Awam. Menyedari kepentingan **mengukuh dan menyusun semula organisasi supaya relevan dengan perkembangan semasa**, pelan transformasi di setiap kementerian perlu dilaksanakan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

6. **Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan** telah memulakan agenda transformasi masing-masing, dan ini akan diikuti oleh semua **Kementerian yang lain** dalam

masa terdekat. Saya amat berharap tuan-tuan dan puan-puan akan mengambil bahagian yang aktif di samping memberi sumbangan yang positif kepada transformasi di peringkat Kementerian masing-masing.

## **KEMAHIRAN DAN KOMPETENSI PEMIMPIN KANAN PERKHIDMATAN AWAM**

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

7. Kemampanan dan kejayaan perkhidmatan awam bergantung dan berkait rapat dengan **pembangunan pemimpin** dan **kepimpinan yang berkesan**. Membendung dan menangani cabaran dalaman dan luaran memerlukan kepimpinan yang kukuh dan berwibawa. Justeru itu, **kemahiran dan kompetensi** pemimpin kanan

perkhidmatan awam perlu **bersifat anjal dan cepat berubah mengikut kehendak masa dan hambatan semasa.**

8. Antara kompetensi yang telah dikenalpasti oleh RSOG dan dianggap penting pada masa kini dan masa hadapan ialah **Influencing, Leadership, and Power.** Antara lain, kompetensi ini merujuk kepada:

- kecekapan memberi inspirasi dan berkongsi wawasan;
- mempengaruhi dan memotivasikan orang lain;
- kemahiran dalam mempengaruhi kepimpinan atasan; dan
- pembahagian tugas yang berkesan.



9. *“The key to successful leadership today is influence, not authority”.* **Kemahiran mempengaruhi** atau **influencing** bukan saja penting untuk digunakan secara dalaman, malahan ia penting untuk diaplikasikan kepada masyarakat am. Dalam membudayakan konsep **Merakyatkan Perkhidmatan Awam**, saya pasti kemahiran mempengaruhi amat berguna kepada penjawat awam, terutama semasa “turun padang” untuk memperkenalkan dan melaksanakan dasar-dasar Kerajaan. Kita bukan sahaja perlu mendekati rakyat dan bersikap terbuka, tetapi perlu **menjelaskan kesinambungan dasar yang diperkenalkan** tersebut:

- mengapa dasar itu dipilih;
- bagaimana ia dilaksanakan; dan
- bagaimana ia boleh memberi manfaat kepada negara.

10. Kita juga perlu berkongsi **rasional**, **fakta**, **logik** dan **justifikasi** – **bukan retorik semata-mata**. Ini kerana kehendak dan ekspektasi rakyat adalah semakin meningkat, dan kesedaran am yang semakin tinggi. **Penjawat awam tidak boleh berada di takuk yang lama**, dan mesti sentiasa mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan diri.

11. Tambahan kepada mengukuhkan kepimpinan, **penerapan nilai murni dan sikap terpuji** yang boleh dicontohi umum juga harus dititikberatkan. Untuk menuju ke arah ini, **introspeksi** atau **muhasabah diri** harus dijadikan kebiasaan. Ia berfungsi sebagai penilaian diri yang ikhlas dan jujur dalam usaha untuk memperbaiki diri.

## **SUMBANGAN ALUMNI RSOG**

Para hadirin yang saya hormati sekalian,

12. Saya telah dimaklumkan bahawa seramai **73 alumni RSOG** hadir pada malam ini. Kesemuanya telah berpeluang mengikuti kursus-kursus di bawah **Senior Leadership Programme**, anjuran RSOG dengan kolaborasi beberapa institusi tersohor dunia. Institusi-institusi yang dimaksudkan adalah:

- Said Business School, Oxford University;
- Judge Business School, Cambridge University;
- Kets de Vries Institute, Perancis;
- School of International and Public Affairs, Columbia University, Amerika Syarikat; dan

- Nixon Potential Limited, Hong Kong.

13. Saudara saudari merupakan mereka-mereka yang terpilih: **the chosen ones**, yang kami anggap sebagai penjawat awam yang mampu menjadi **change agent** dan membawa **transformasi positif** kepada perkhidmatan awam. Saya yakin saudara saudari telah **menimba banyak ilmu dan pengalaman** daripada pendedahan mengikuti kursus-kursus tersebut, dan **lebih bersedia untuk menyumbang dengan lebih berkesan** sebagai seorang pemimpin sektor awam.

14. Justeru itu, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berdialog dengan saudara saudari, untuk mendengar hasil dapatan anda daripada kursus-kursus tersebut, dan perubahan yang telah anda laksanakan di tempat kerja

masing-masing hasil daripada pengetahuan baru yang telah diperolehi.

15. Dengan itu, saya ingin menjemput tuan-tuan puan-puan untuk berkongsi pengalaman masing-masing bersama saya.

*(YBhg. Tan Sri membuka ruang untuk dialog dimulakan)*

~~~~~